

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 18, 2019 3:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sesi Bermanfaat Bersama CEO Baharu Platcom Venture Sdn. Bhd.



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 NOVEMBER 2019 / 21 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Azri Md Nadzir
Gambar oleh: ICC

SESI BERMANFAAT BERSAMA CEO BAHARU PLATCOM VENTURE SDN. BHD.



UUM ONLINE: Bagi mendedahkan warga UUM dengan perlindungan harta intelek dan aktiviti pengkomersialan, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah mengambil inisiatif menjemput Ketua Pegawai Eksekutif baharu Platcom Venture Sdn. Bhd., Muhammad Lofty Abd Karim untuk berkongsi maklumat dan perkhidmatan yang disediakan syarikat tersebut.

Platcom Venture merupakan anak syarikat milik penuh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang dibentuk dengan kerjasama SME Corporation Malaysia yang berperanan membantu pereka cipta mengkomersialkan produk inovasi hasil daripada penyelidikan dan menyediakan khidmat perlindungan harta intelek.

Muhammad Lofty berkata, Platcome Venture juga menawarkan geran bagi aktiviti pengkomersialan produk inovasi dengan berfokus kepada *applied research, commercial ready prototype, incubation* dan *pilot plant*.

"Kami komited untuk membantu SME dan organisasi penyelidikan di Malaysia dalam mengkomersialkan inovasi mereka," katanya.

Seramai 25 ahli akademik terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Inovasi dan Pengkomersialan peringkat Pusat Pengajian dan Felo ICC telah menyertai sesi tersebut.

Pengarah ICC, Prof. Dr. Razamin Ramli dalam ucapan aluan beliau berharap agar semua wakil yang hadir dapat berkongsi informasi yang diperolehi semasa sesi ini kepada seluruh warga akademik di pusat pengajian masing-masing.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.